

Dagangan : PREPARED ENZYME

Nama Perdagangan : Meat Tenderiser
Jenama : Masterfoods

Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) :

3507.90.00 00 (PDK 2017)

Tarikh Kelulusan : 22 Jun 2017

Keterangan barangan :

Barangan merupakan serbuk berwarna putih yang dinamakan Meat Tenderiser jenama MasterFoods yang dipek didalam botol kaca dengan berat bersihnya 70g.

Berdasarkan kepada label barangan yang terdapat pada label kaca, bahan-bahan (ingredients) yang terdapat dalam barangan ialah campuran Salt, Rice Flour, Sugar, Bromelain and Papain seperti berikut:

| Bahan | Peratusan (%) |
|------------------|----------------------|
| Salt | 59.95 |
| Rice Flour | 21.6 |
| Sugar | 16.6 |
| Enzyme Bromelain | 1.45 |
| Enzyme Papain | 0.4 |

Ketetapan

Ketua Pengarah Kastam memutuskan barangan ini sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif **3507.90.00 00 (PDK 2017)** sebagai ***prepared enzymes*** berdasarkan alasan seperti berikut:

Barangan merupakan serbuk berwarna putih yang dinamakan *Meat Tenderiser* jenama *MasterFoods* yang dipek didalam botol kaca dengan berat bersihnya 70g. Berdasarkan kepada label barangan yang terdapat pada label kaca, bahan-bahan (*ingredients*) yang terdapat dalam barangan ialah campuran *Salt, Rice Flour, Sugar, Bromelain and Papain*.

Bahan-bahan campuran yang terdapat dalam barangan adalah yang dikategorikan sebagai bahan enzim yang membantu mempercepatkan proses melembutkan daging.

Barangan tidak sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif 2106 iaitu *food preparation* memandangkan fungsinya sebagai satu campuran bahan pelembut daging yang menggunakan enzim *papain* dan *bromelain*.

Memandangkan Jabatan masih belum menerima EN HS 2017 daripada WCO semasa laporan ini disediakan, maka rujukan dibuat berdasarkan EN HS 2012.

Berdasarkan kepada kegunaan barangan dan keterangan di para 5.3.2 di atas, adalah didapati barangan sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif 3507.90.00 00 (PDK 2017) sebagai *prepared enzymes* berdasarkan keterangan dalam EN HS 2012 muka surat VI-3507-2 hingga VI-3507-3 seperti berikut:

35.07 - Enzymes; prepared enzymes not elsewhere specified or included.

3507.10 - Rennet and concentrates thereof

3507.90 - Other

(C) Prepared enzymes not elsewhere specified or included.

Prepared enzymes are obtained by further dilution of the concentrates mentioned in Part (B) above or by intermixing isolated enzymes or enzymatic concentrates. Preparations with substances added, which render them suitable for specific purposes, are also included in this heading, provided they are not covered by a more specific heading in the Nomenclature.

This group includes, inter alia :

- (i) **Enzymatic preparations for tenderising meat**, such as those consisting of a proteolytic enzyme (e.g., papain) with added dextrose or other foodstuffs.
- (ii)

The following are the most important among the enzymes found in trade :

.....
.....

(5) Papain, bromelains, ficin.

The term **papain** is used to describe both the dried latex of the papaya tree (*Carica papaya*) and the two fractions obtained from this product, viz., papain (in the more limited sense of this term) and chymopapain.

Papain is used, for example, for the manufacture of chillproof beer, in **the preparation of meat tenderisers** (see paragraph (C) (i) above) and in medicine.

Bromelains are obtained from pineapple plants.

Barangan mendapat liputan di dalam Perintah Duti kastam 2017 seperti berikut:

| | | | | | |
|-------|---------------|--|----|----|----|
| 35.07 | | Enzymes; prepared enzymes not elsewhere specified or included. | | | |
| | 3507.10.00 00 | - Rennet and concentrates thereof | kg | 0% | 0% |
| | 3507.90.00 00 | - Other | kg | 0% | 0% |

Gambar barangan

